

## E-PAPER



ARKIB : 03/06/2011

## Pelaburan swasta atas pelaburan awam

03/06/2011 3:40pm

PUTRAJAYA 3 Jun — Pelaburan swasta, untuk pertama kalinya, kini mengatasi pelaburan awam dengan komposisi 60 peratus, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop hari ini.

## KOMUNITI

### Waktu Solat

### Laporan Cuaca

## BERITA

### Berita Utama

### Dalam Negeri

### Wilayah

### Laporan Khas

### Parlimen

### Politik

### Luar Negara

### Sukan

### Bisnes

### Mahkamah

### Jenayah

"Kalau kita mengkaji perangkaannya secara teliti di segi pembentukan modal secara kasar bagi pertama kalinya, (pelaburan) sektor swasta (kini) melebihi sektor kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Dialog Banci Ekonomi 2011 di sini.

"Sektor swasta menunjukkan pelaburan yang lebih besar daripada sektor kerajaan. Ini penting kerana kita selalu sebut sektor itu sebagai enjin pertumbuhan dan ia bukan retorik," katanya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-sepuluh (RMK10), kerajaan menyasarkan pelaburan swasta perlu berkembang pada kadar 12 peratus untuk menjana pelaburan purata tahunan sebanyak RM115 bilion dalam tempoh 2011-2015.

Bagi tahun ini sahaja, katanya pelaburan swasta disasarkan RM83 bilion.

Ditanya adakah sasaran pelaburan swasta berkembang 12 peratus setahun boleh dicapai, Nor Mohamed berkata, "saya yakin ia akan tercapai." "Bagi tahun ini, yang dijangka agak sukar, jika negara mencapai pelaburan RM80 bilion atau RM90 bilion, sudah cukup baik. Beberapa tahun lagi, kita akan buat peningkatan balas. Tetapi, saya yakin kita akan menerima pelaburan hampir RM100 bilion tahun ini," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini berkata sasaran pelaburan swasta sebanyak RM83 bilion tahun ini dijangka tercapai.

Malah, menurut beliau, secara keseluruhannya, jumlah peningkatan potensi pelaburan ialah sebanyak RM127 bilion dengan mengambil kira pelaburan Projek PermulaaN (EPP) berjumlah RM76 bilion tahun ini. - Bernama